



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

#### PROGRAM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON DAN KESEJAHTERAAN KELUARGA SEMPENA HARI OZON SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020

**27 SEPTEMBER 2020 (AHAD)  
DEWAN MASYARAKAT KAMPUNG BELADIN**

---

**27 SEPTEMBER, BELADIN:** Lebih kurang seramai 100 peserta yang terdiri dari kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak dan penduduk Kampung Beladin telah menyertai Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Dan Kesejahteraan Keluarga Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020 di Dewan Masyarakat Kampung Beladin. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan LPPKN bersempena dengan sambutan Hari Ozon Sedunia yang disambut pada setiap 16 September dengan tema adalah "*Ozone for life: 35 years of ozone layer protection*".

Pada tahun ini, merupakan ulang tahun Konvensyen Vienna yang ke 35 tahun dan ulang tahun ke 35 perlindungan lapisan ozon secara global. Melalui Konvensyen ini komitmen tinggi semua negara dunia diperlukan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan Bahan Pemusnah Ozon (Ozone Depleting Substances) seperti Kloroflourokarbon (CFC), Hidroklouoflourokarbon (HCFC), Halons, Karbon Tetraklorida (CTC), Metil Kloroform, Metil Bromida, 3 Bromochloromethane yang menyebabkan penipisan lapisan ozon. Justeru itu Perjanjian Protokol Montreal mengenai bahan-bahan yang menipiskan lapisan

ozon telah dimeterai pada tahun 1989. Di bawah Konvensyen Protokol Montreal, negara dunia, para saintis dan pihak industri bekerjasama mengurangkan sehingga 99% bahan pemusnah ozon (ozone depleting substance). Bagi menambahbaik Protokol Montreal, Kigali Amendment yang berkuatkuasa mulai 2019 akan bertindak mengurangkan hydrofluorocarbon (HFCs), gas rumah hijau yang mempunyai potensi pemanasan iklim yang tinggi dan mampu memberi impak buruk kepada alam sekitar lebih dari 80% bagi tempoh 30 tahun. Langkah ini dijangka dapat mengelakkan pemanasan global sehingga 0.4°C.

Malaysia sebagai salah sebuah negara A5 iaitu negara membangun memainkan peranan aktif dalam menyuarakan isu-isu penipisan lapisan ozon diperingkat antarabangsa. Terkini, semasa mesyuarat Ke 31 Parti – Parti kepada Protokol Montreal yang telah diadakan pada 4 – 8 November 2019 yang lalu di Rome, Itali, Malaysia telah dilantik sebagai Naib Presiden mewakili benua Asia Tenggara dan Pasifik ke Jawatankuasa *Bureau of the Eleventh Meeting of the Conference of the Parties to the Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer dan the Thirty First Meeting of the Parties to the Montreal Protocol on Substances That Deplete the Ozone Layer.*

Pada tahun ini, kerjasama dalam keadaan harmoni demi kebaikan bersama menjadi sangat penting terutama dalam keadaan pandemik Coronavirus yang telah membawa pelbagai kesusahan dari segi sosial dan ekonomi. Sokongan dan kerjasama semua adalah penting bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran ini terus berkekalan demi kesejahteraan dan keharmonian sejagat.

Program dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor

ADUN N. 29 Beting Maro

**-TAMAT-**